

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 11 DISEMBER 2015 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Exemplary educators	The star
2	Tiada episod hujan lebat	Harian Metro
3	Pengukuhan sistem harta intelek	Kosmo
4	Pati Pandan Lakar Sejarah	Harian Metro
5	Usaha tak kenal penat berbaloi	Harian Metro

# Exemplary educators

Two Malaysian teachers are in line to win US\$1mil

**PETALING JAYA:** Two Malaysian teachers have beaten close to 8,000 others from 148 countries to stand a chance to win US\$1mil (RM4.3mil).

Noorjahan Sultan and Vanesri Kasi are among 50 shortlisted candidates for an award that recognises an exceptional teacher who has made an outstanding contribution to the profession.

The Varkey Foundation Global Teacher Prize 2016 award worth RM4.2mil also aims to shine the spotlight on the role of teachers.

Noorjahan, 44, a preschool teacher, said the nomination was like "a gift" and that it made her feel appreciated.

"I hope I am inspiring young educators. Just like any other teacher in the world, we struggle to get the best from our kids," said Noorjahan, who has 22 years of experience.

She was also a finalist for the National Innovation Award by the Science, Technology and Innovation Ministry last year.

Since 2009, Noorjahan has pioneered "Let's Rhyme", a method of English language learning based on the alphabet and thematic rhyming, often infused with moral values and cultural understanding.

She is chosen as a national trainer for preschool teachers and has adopted a train-the-teacher approach to spread the method faster.

Noorjahan hopes to continue



**Shining duo:** Vanesri (left) has already received several awards for her teaching methods while Noorjahan hopes to continue working on her 'Let's Rhyme' module.

working on her "Let's Rhyme" module if she wins and to distribute it to more people.

"I'm now putting in effort to digitise the module into an audiovisual application in line with the 21st century style of learning," said Noorjahan, who teaches in a preschool in SK Indera Mahkota Utama, Kuantan.

Despite being only 25, Vanesri, a remedial education teacher at SJKT Jalan Khalidi Muar, Johor, has already received several awards, including one for the way she has

integrated sports into her teaching.

She has also achieved outstanding results in reintegrating children back into mainstream schools.

"I focus on slow learners. I make them feel confident and be able to talk bravely in front of others.

"My goal is to provide opportunities for slow learners to showcase their strengths," she said.

She gets students to present their projects and uses teaching aid to help them understand their lessons.

Her lessons are also peppered

with jokes to create a relaxed atmosphere for students.

If she wins, Vanesri hopes to donate the prize money to autism centres or to remedial or special education classes. She also has plans to start building a therapy room project to provide special children with the tools for moving forward and to lead productive lives.

The winner will be announced at the Global Education and Skills Forum in Dubai on March 16 next year.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 52**  
**TARIKH: 11 DISEMBER 2015 (JUMAAT)**

## Tiada episod hujan lebat

**Kuala Lumpur:** "Berdasarkan analisis terkini menerusi Model Tinjauan Cuaca Berangka yang dijalankan sehingga hari ini (semalam), tiada episod hujan lebat monsun dijangka berlaku di Pantai Timur Semenanjung dalam tempoh terdekat.

"Cuaca sedia ada kekal sehingga Rabu minggu depan dan ia bergantung kepada hasil tinjauan harian yang meramalkan keadaan untuk tempoh enam hari seterusnya," kata **Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) Datuk Che Gayah Ismail.**

Menurut beliau, analisis itu mengambil kira beberapa faktor perubahan atmosfera seperti angin dan cuaca selain perkembangan cuaca lain antaranya ribut atau taufan.

"Dalam tempoh enam hari, kawasan serantau negara ini terus menerima tiupan angin Timur dan Timur Laut. Justeru, hujan berlaku di satu atau dua tempat di negeri di Pantai Timur dan Barat Sarawak pada awal pagi.

"Manakala pada waktu petang dan awal malam, hujan dan ribut petir dijangka berlaku di kebanyakan tempat di negeri di Pantai Barat Semenanjung selain kawasan pedalaman di Pahang, Terengganu dan Kelantan. Ia turut termasuk di semua kawasan di Sarawak dan Timur Sabah," katanya ketika dihubungi Harian Metro di sini, semalam.

Che Gayah berkata, pihaknya bagaimanapun tidak menolak kemungkinan berlaku hujan lebat monsun di semua negeri di Pantai Timur selain kawasan pantai di Sarawak dan Barat Sabah selepas tempoh berkenaan.

Mereka yang ingin mendapatkan maklumat terkini mengenai cuaca boleh melayari laman web di [www.met.gov.my](http://www.met.gov.my) atau laman Facebook di [www.facebook.com/malaysiamet](http://www.facebook.com/malaysiamet).



**CHE Gayah**

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN  
KOSMO (EDISI KHAS KOSMO) : MUKA SURAT 3  
TARIKH: 11 DISEMBER 2015 (JUMAAT)**

# Pengukuhan sistem harta intelek

**P**ERANAN perlindungan harta intelek kian berkembang dari semasa ke semasa. Ia bukan lagi tertakluk kepada perlindungan pendaftaran harta intelek dan menghormati hak harta intelek tetapi lebih kepada faktor menjana pendapatan negara.

Pembangunan ekonomi negara dikaitkan dengan banyaknya inovasi atau kreativiti sesebuah negara. Harta Intelek merupakan satu komponen dalam pembangunan inovasi dan pertumbuhan ekonomi, meningkatkan dan menarik pelaburan, merangsang kreativiti dan inovasi, penyebaran maklumat dan berkongsi pengetahuan ke arah pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.

Menyedari hakikat itu, kerajaan telah memberi tanggungjawab kepada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) untuk membangunkan Model Penilaian Harta Intelek dan memberi latihan kepada penilai-penilai tempatan harta intelek di samping menubuhkan platform pemrasaman harta intelek di negara ini.

Dalam memperkuuhkan pembayaan harta intelek pula, Skim Dana Harta Intelek ditubuhkan di bawah Malaysian Debt Ventures (MDV) bagi menyediakan dana khas untuk industri kecil sederhana (IKS) menggunakan harta intelek sebagai instrumen cagaran kepada pembayaan kewangan dari institusi kewangan.

Pada awal 2013, MyIPO telah mengambil pelbagai langkah seperti perbincangan meja bulat, dialog dan perbincangan dengan industri berkepentingan serta pakar harta intelek bagi menyediakan Model Penilaian Harta Intelek yang bersesuaian dengan keperluan dan kehendak tempatan.

Model Penilaian Harta Intelek menyediakan satu pasaran yang sangat diperluri dan diperjelaskan mengikut garis panduan pihak yang berkepentingan untuk melaksanakannya. Antara elemen utama Model Penilaian ini adalah penye-



NAJIB (kanan) diiringi Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Harnzah Zainudin merasmikan IP Monetisation Roadmap sempena Majlis Anugerah Harta Intelek Negara pada 10 September lalu.

dian metodologi penilaian yang boleh diterima pakai oleh institusi kewangan.

Model itu akhirnya dapat disiapkan dan dilancarkan dengan rasminya sempena Persidangan Harta Intelek Global yang pertama pada 5 November 2013.

Ia selaras dengan tanggungjawab yang diberikan kepada MyIPO untuk meneraju dan memupuk ekosistem IP yang lebih kondusif dan mudah dengan membolehkan aset harta intelek dikomersialkan dan mendapat pulangan wang (monetisation).

Ia juga mengenal pasti peranan utama pemain dan pihak berkepentingan yang akan menjadi penyumbang utama kepada hala tuju, aspirasi dan inisiatif Pelan Tindakan Harta Intelek serta merangka langkah-langkah yang perlu diambil dari tahun 2015 hingga 2020 untuk menjadikannya sebagai langkah baharu agenda harta intelek negara.

#### IP Monetisation Roadmap

Pelan Hala Tuju Pulangan Masuk Kewangan Harta Intelek atau lebih dikenali sebagai IP Monetisation Roadmap dapat disedia dan dilancarkan secara rasminya pada 10 September 2015 sempena Majlis Anugerah Harta Intelek Negara oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

IP Monetisation Roadmap pada asasnya bertujuan untuk menangani harapan, keinginan, isu-isu utama dan masalah



MOBIL unit MyIPO ini lazimnya digunakan untuk program-program kesedaran harta intelek.

yang telah ditimbulkan oleh pelbagai pihak yang berkepentingan mengenai bagaimana untuk meningkat dan mempercepatkan aktiviti pulangan wang masuk (monetisation) berkaitan dengan harta intelek dan menilai kadar kejayaan aktiviti harta intelek di Malaysia.

Pelan hala tuju ini dibuat atas aktiviti semasa yang dijalankan oleh kerajaan dalam bidang IP Valuation, IP Financing and IP Market Place sejak tahun 2013.

Pengkomersialan dan monetisation harta intelek adalah persamaan dan kejayaan yang penting untuk teras keluruhannya bagi meletakkan Malaysia sebagai negara berdasarkan pengetahuan dan pulangan inovasi melalui Program Transformasi Ekonomi Kersajaan (GETP) yang boleh dikomersial dan dilabur serta penyerahan dan pemindahan pengetahuan yang dinyatakan sebagai pulangan ke atas pelaburan bagi sumber dan dana yang dibelanjakan dalam melaksanakan program-program transformasi.

Pelbagai kajian dan laporan antara bangsa telah menunjukkan bukti bahawa harta intelek adalah merupakan satu komponen yang penting dalam menentukan pertumbuhan ekonomi dan kekuatan sesebuah negara dengan memberi kesan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara, menambahkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan serta meningkatkan nilai firma.

Ia juga selaras dengan aspirasi negara untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Jangkaan hasil atau kesan IP Monetisation Roadmap untuk Malaysia adalah mewujudkan pekerjaan baharu dan membangunkan keupayaan dalam industri harta intelek, memperkasakan keusahawanan, meningkatkan prestasi dan pertumbuhan IKS melalui IP Monetisation.

#### Definisi Monetisation:


Monetisation bermaksud untuk mencipta nilai kewangan dan pulangan melalui mekanisme seperti penjualan hak harta intelek kepada pihak lain, securitising pendapatan royalti atau hasil untuk meningkatkan pembayaran, menggunakan harta intelek tersebut sebagai instrumen cagaran untuk mendapatkan pinjaman dan pembayaran dan untuk menjual atau perdagangan hak aset harta intelek tersebut secara umum untuk keuntungan.

#### Maklumat Lanjut MyIPO

##### Alamat:

Unit 1-7, Aras Bawah, Menara UOA,  
Bangsar, No 5, Jalan Bangsar Utama 1,  
59000 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2299 8400/03-2299 2323  
Web : [www.myipo.gov.my](http://www.myipo.gov.my)  
E-mel : [ijmalaysia@myipo.gov.my](mailto:ijmalaysia@myipo.gov.my)

KERATAN AKHBAR TEMPATAN  
HARIAN METRO (LELAKI) : MUKA SURAT 20  
TARIKH: 11 DISEMBER 2015 (JUMAAT)



# PATI PANDAN

*lakar kejayaan*

KERATAN AKHBAR TEMPATAN  
HARIAN METRO (LELAKI) : MUKA SURAT 16  
TARIKH: 11 DISEMBER 2015 (JUMAAT)



**MOHD Khairil  
berharap Sutra  
dapat diterima  
di luar negara.**

**USAHA**  
*tak kenal penat*  
**BERBALOI**

Oleh Siti Zarina Sahib  
sitzarina@hmetro.com.my

**B**ukan mudah untuk senang. Hanya mereka yang berjaya kental serta mempunyai semangat tinggi mampu merealisasikan impian bergelar usahawan berjaya. Ini kerana perniagaan memerlukan segalanya bukan setakat modal tetapi seluruh jiwa dan raga harus diberikan untuk mencapai apa yang diinginkan.

Bagi Mohd Khairil Said, 38, untuk berada pada tahap sekarang dengan mengeluarkan 60 produk berdasarkan rumput laut bukanlah sesuatu yang mudah. Namun, dia ampu membangunkan produk Sutra kini bukan

saja memasuki pasaran Malaysia tetapi luar negara termasuk Mesir, Pakistan dan Belanda serta mendapat tempat di hati rakyat Malaysia. Ikuti temu bual M dengan pengasas produk Sutra, Mohd Khairil Said (MK).

**M: Ceritakan serba sedikit mengenai latar belakang anda.**

**MK:** Saya mendapat pendidikan di Universiti Malaysia Sarawak dalam jurusan Kejuruteraan Kimia Marin. Kemudian saya bekerja sebagai Pegawai Penyelidik Kimia di Institut Bioteknologi Melaka dan rugas saya mencari bahan semula jadi yang boleh diekstrak seterusnya memberi kebaikan kepada manusia.

Namun selepas tiga tahun berkecimpung dalam bidang penyelidikan dan mengeluarkan pati tumbuh-tumbuhan, saya mulai rasa kekurangan kerana bagaiman ada sesetuju yang masih belum saya peroleh. Akhirnya selepas tiga tahun saya melepaskan jawatan sebagai pegawai penyelidik.

**M: Anda sudah memegang jawatan kukuh sebagai pegawai penyelidik. Apa yang anda cari sebenarnya?**

**MK:** Ketika itu perasaan saya kuat untuk berniaga kerana berasaskan perniagaan adalah jalan terbaik untuk meraih kepuasan dan kejayaan. Malah, dalam al Quran sendiri ada menyebut sembilan persepuluh rezeki adalah dengan berniaga. Lantas, saya melakukan solat Istikhara untuk meminta petunjuk bagi mencari apa yang perlu dilakukan kerana saya masih muda.

Selaras berikali kali melakukannya, saya bulatkan tekad berhenti kerja untuk menceburkan diri dalam dunia perniagaan berdasarkan penyelidikan produk herba.

**M: Bagaimana dengan keluarga mengenai keputusan anda?**

**MK:** Keluarga menentang keras hasrat saya itu kerana bagi mereka, saya sudah mempunyai pekerjaan kukuh dan lebih terjamin iadi, untuk apa berhenti kerja.

Haril demi hari, saya cuba meyakinkan ibu bapa saya dan selepas puas dipujuk, mereka merestui niat saya yang mahu meluaskan mata pencarian keluarga.

**M: Apa yang anda lakukan seterusnya?**

**Untuk berniaga memerlukan modal. Adakah anda mempunyai modal memulakan perniagaan?**

**MK:** Pada 2007, saya tekadkan azam ingin menjadi usahawan berjaya, saya memberanikan diri membuat pinjaman dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) sebanyak RM1.6 juta bagi kos pembinaan

# SAMBUNGAN...

## HARIAN METRO (LELAKI) : MUKA SURAT 17

### TARIKH: 11 DISEMBER 2015 (JUMAAT)

kiland, peralatan dan domestik.

Bagaimanapun, jumlah itu tidak mencukupi kerana saya masih memerlukan RM2.5 juta bagi menyempurnakan perancangan itu. Saya meminjam pula daripada ahli keluarga dan kenalan untuk menampung kos itu. Berkat kesabaran akhirnya saya berjaya membuka kilang dengan bantuan 10 pekerja pada 2007.

**M: Apakah produk yang anda keluarkan ketika itu?**

**MK:** Secara perlahan-lahan saya mengeluarkan produk minyak herba dengan kapasiti terhad kerana mahu melihat dahulu potensi pasaran. Andainya membawa keuntungan, saya berasaskan ia wajar diteruskan. Alhamdulillah, berkat kesabaran, produk pertama iaitu pati minyak herba dihasilkan kira-kira setahun selepas itu dan mula dijual secara kecil-kecilan di sekitar Melaka.

Biarpun belum menjana keuntungan, saya tetap tidak putus asa kerana percaya lambat-laun rezeki itu akan mula berpihak kepada saya. Apa yang penting jangan berputus asa.

Kemudian saya cuba menjual secara pulak dan membuat jualan langsung dari rumah ke rumah. Saya jual dalam kuantiti lima ke 10 kilogram berharga RM40 kerana mahu melihat potensinya terlebih dulu. Ketika itu, saya dapat menjual kira-kira 100 barang saja. Saya mula berasaskan cabarannya terutama dari segi persaingan serta kepercayaan masyarakat terhadap produk keluaran saya.

**M: Apa yang anda lakukan bagi memasarkan produk anda berjaya dijual?**

**MK:** Saya hanya mampu bersbar kerana situasi yang sama mungkin pernah dilalui usahawan lain. Saya belajar banyak perkara daripada percubaan pertama ini. Saya yakini produk ini mampu menambah hafi ramai. Mungkin teknik pemerasan yang kurang memberangsangkan menyebabkan ia kurang dikenali ramai.

Saya mula mendapatkan maklum balas pengguna untuk mencari jalur penyelesaian. Alhamdulillah, selepas berhempas-pulus selama dua tahun, saya mula menge luarkan produk Sutra berdasarkan minyak pati pandan yang sebelum ini tiada di pasaran. Pemilihan pandan kerana untuk mengeluarkan patinya memerlukan kemahiran tertentu.

**M: Mengapa pandan dan tidak tumbuhan lain?**

**MK:** Saya perhatikan pandan sangat dekat dengan masyarakat Melayu. Orang du lu-du lu menggunakan pandan dalam majlis perkahwinan, dijadikan ejen menghalau lipis dan semut, juga menghalang ban bu suuk dalam peti sejuk dan kereta. Menerusi *research*, saya hasilkan pandan dalam bentuk mandian, aromaterapi dan sabun agar mudah digunakan. Oleh kerana kesukaran mendapatkan pati pandan, Sutra satu-satunya produk berdasarkan pandan di Malaysia dan kini sudah memasuki pasaran di Singapura, Brunei dan Indonesia.

**M: Bagaimana anda membawa produk ini ke luar negara dan penerimaan masyarakat di sana?**

**MK:** Syarikat saya Tropical Bioessence Sdn Bhd di bawah *Biotech Corp* Jering mendapat penajaan daripada Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia untuk mengikuti rombongan perniagaan ke Eropah. Pada tahun lalu kami memperkenalkan produk Sutra untuk pasaran Eropah dan masyarakat di sana tidak mengetahui

mengenal pandan tetapi sangat sinonim dengan aromaterapi.

Daripada maklum balas, mereka sangat sukakannya. Pada bulan lalu saya bersama Biotech Corp berada di Perancis bagi menghadiri seminar mengenai peng ekstrakan minyak pati untuk membuat wangian anjuram The Grasse Institute of Perfumery. Menerusi seminar ini saya berpeluang melawat ke kilang jenama produk terkenal L'Occitane serta kilang pembuatan kosmetik di sana. Ia sangat mengujakan saya kerana banyak perkara yang boleh saya pelajari.

**M: Bolch terangkan mengenai rangkaian produk Sutra?**

**MK:** Sutra ialah produk penjagaan dan kecantikan diri yang dikeluarkan khusus untuk semua peringkat usia serta jantina. Ia merangkumi aromaterapi, wangian dan kesihatan yang dijual bermula RM40 hingga RM120. Selain pandan, saya turut mengeluarkan produk berdasarkan buah Melaka. Setiap bulan, permintaan produk Sutra boleh mencapai 200,000 unit.

Saya mengambil masa kira-kira lima tahun untuk mengukuhkan pasaran bermula secara kecil-kecilan sehingga berskala besar seperti hari ini. Momentum yang ditunjukkan sejak 2012 cukup baik dan memberi kesan positif kepada perlengahan saya sehingga hari ini.

**M: Apakah yang anda perlu ketahui berjuang bagi memasarkan Sutra terus kekal di hari pengguna?**

**MK:** Setiap usahawan pasti melalui zaman jatuh dan bangun. Bagi saya sepanjang lima tahun dalam dunia perniagaan banyak mematangkan diri saya untuk menjadi usahawan yang lebih baik.

Saya pernah ditipu kenalan dan mengalami kerugian kira-kira RM60,000 kerana mempercayai bantuan yang diberikan. Saya juga pernah mengalami situasi tiada duit selama enam bulan dan modal yang ada hanya cukup untuk membayar kos pekerja serta pengeluaran produk.

Malah, saya pernah gagal melunaskan sewa bulanan dan duit potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Namun, saya masih berada di sini kerana saya yakin lambat-laun kejayaan pasti berpihak kepada saya.

Kini, hasil perjuangan saya memasarkan Sutra, saya sudah mempunyai pusat pengedaran di Kota Kemuning, Shah Alam, Selangor bagi memudahkan proses pengedaran, penghantaran dan jualan.

Saya juga membina sistem stokis dan ejen bagi memberi peluang sesiapa juga memulakan perniagaan. Saya berharap dapat mengembangkan perniagaan ke satu tahap yang lebih tinggi suatu hari nanti.



Menerusi penyelidikan, saya hasilkan pandan dalam bentuk mandian, aromaterapi dan sabun agar mudah digunakan

**MOHD KHAIRIL**